

BIMB NAFI GUNA PIHAK KETIGA UNTUK PENJUALAN SAHAM

BIMB terus komited untuk melindungi pelanggan dan orang ramai daripada menjadi mangsa penipuan laman sesawang palsu

KUALA LUMPUR, Rabu, [13 April 2022]: Bank Islam Malaysia Berhad ("BIMB") mengambil maklum bahawa terdapat sebuah laman sesawang berkaitan pelaburan saham yang telah menggunakan logo seakan logo rasmi BIMB dengan tujuan untuk menipu orang ramai bagi melabur dalam saham BIMB.

BIMB ingin menegaskan bahawa ia tidak mempunyai sebarang kaitan dengan laman sesawang tersebut dan tidak akan menggunakan kaedah atau platform pelaburan seperti itu untuk meraih pelaburan orang ramai ke dalam saham BIMB.

Laman Sesawang ini tiada kaitan dengan Bank Islam

Dinamakan "Bank Islam" sebanyak dua kali dalam 6 tahun yang Lalu

Para pelanggan dan orang ramai dinasihatkan untuk berwaspada dan tidak terpedaya dengan mana-mana laman sesawang atau akaun sosial media palsu yang menggunakan logo dan maklumat korporat BIMB. Pelanggan juga dinasihati untuk merujuk dan menggunakan platform rasmi BIMB untuk sebarang urusan.

Kami juga mengingatkan bahawa orang ramai yang ingin membeli saham BIMB, dinasihatkan agar anda berurusan dengan syarikat pembroker saham yang berlesen seperti yang disenaraikan di Bursa Malaysia sebagaimana pautan berikut:

https://www.bursamalaysia.com/trade/trading_resources/brokers_for_equities/list_of_participating_organisations

BIMB turut ingin menasihatkan orang ramai agar sentiasa berwaspada dan tidak terpedaya dengan taktik penipuan melalui telefon atau “Macau Scam” di mana pemanggil menyamar sebagai pihak berkuasa kawal selia. Orang ramai yang menerima panggilan yang meragukan seperti itu adalah dinasihatkan untuk putus panggilan tersebut serta-merta dan tidak sesekali mengikut arahan orang yang tidak dikenali untuk melakukan sebarang transaksi perbankan.

Kami mengingatkan para pelanggan dan orang ramai **agar tidak sesekali memberi butiran maklumat diri serta Nama Pengenalan (ID), Nombor Akaun, Nombor Kad Kredit/Debit, Kata Laluan/PIN, Kod i-Akses (IAC) kepada mana-mana pihak.** BIMB tidak akan meminta butiran peribadi pelanggan atau mengarahkan membuat sebarang deposit mahupun pembayaran melalui platform atau laman sesawang atau pautan pihak ketiga.

Sekiranya anda menerima panggilan tersebut, segera hubungi **Pusat Respon Penipuan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK/CCID Scam Response Centre) Polis Diraja Malaysia** di talian **03-2610 1559** atau **03-2610 1599** untuk bantuan lanjut.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

BIMB adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Pasaran Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, BIMB mempunyai 141 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, BIMB menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan BIMB adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan BIMB, layari www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan BIMB di 03-26 900 900.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Johanna Azrey Sobrey Pengurus Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 012-204 6844 Emel: johanna@bankislam.com.my	Muhammad Syafiq Sharuddin Penolong Pengurus Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 019-347 8209 Emel: msyafiqsh@bankislam.com.my
--	--